



A- SINOPSIS MENITI IMPIAN

Novel Meniti Impian karya Osman Ayob mengisahkan _____(1) seorang pemuda, iaitu (2) _____ dalam mencapai impiannya untuk memiliki sebuah bengkel perabot sendiri kerana tercabar oleh hinaan bekas kekasihnya, _____(3). Zahar yang tidak cemerlang dalam SPM kerana demam, gagal melanjutkan pelajaran ke ITM seperti yang dijanjikan bersama-sama Suhaili, anak ketua kampung.

Zahar berkeinginan untuk menyambung pengajiannya di sekolah swasta, namun hasratnya itu terpaksa dilupakan kerana ketidakmampuan keluarganya. Ibunya terpaksa menanggung _____ (4) orang adiknya juga setelah kematian bapanya. Zahar membantu Pak Yusuf, iaitu bapa saudaranya di bengkel perabot yang terletak bersebelahan dengan rumah bapa saudaranya itu. Zahar amat meminati kerja-kerja pertukangan.

Seterusnya, Zahar telah diterima masuk ke Institut Kemahiran Mara (IKM) dalam bidang pertukangan perabot. Dia berasa sangat gembira. Berita gembira itu akan dikongsi dengan Suhaili. Mereka berjanji untuk bertemu di _____(5). Namun begitu, hati Zahar sedih apabila Suhaili seakan-akan mempersoalkan taraf lulusan IKM kerana baginya, lulusan IKM tidak mempunyai masa depan. Zahar berasa amat kecewa dan berazam untuk membuktikan kepada Suhaili bahawa dia akan berjaya meskipun hanya lulusan IKM. Selepas itu, Suhaili bergegas untuk meminta diri kerana hendak bertemu dengan kenalannya. Zahar mengekori langkah Suhaili. Zahar melihat Suhaili dengan seorang lelaki kacak yang berkereta. Zahar akur bahawa hubungannya dengan Suhaili sudah sampai di penghujung.

Semasa pendaftaran di IKM, Zahar bertemu dengan _____ (6) yang ditemani oleh bapanya. Norimi gadis yang cantik, lemah lembut, dan baik budi bahasanya. Di IKM, Zahar terkenal dengan bakat sebagai seorang pemain bola sepak kerana berjaya menjaringkan gol semasa perlawanan menentang IKM, Alor Setar. Zahar juga tekun dalam pelajarannya. Oleh itu, dia telah memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaannya.

Semasa latihan dalam loji, Zahar ditempatkan di kilang perabot Usaha Bersatu Sendirian Berhad yang terletak di Jalan Kencana Sari, Ipoh. Tanpa disangka-sangka, Suhaili juga bekerja di situ sebagai Penolong Unit Pemasangan. Suhaili berusaha untuk mendekati Zahar kerana perasaan bersalahnya setelah mengecewakan Zahar. Namun begitu, Zahar kerap mengelak daripada bertemu dengan Suhaili. Menurut _____(7) iaitu rakan serumah Zahar, Suhaili berpindah dari Petaling Jaya ke Ipoh kerana putus cinta. Zahar telah menolak tawaran pihak kilang yang menawarkan kerja kepadanya selepas tamat latihan dalam lojinya. Dia tetap dengan keputusannya mahu membuka bengkel perabotnya sendiri. Semasa majlis _____(8) itu juga, Zahar bertemu dengan Suhaili dan memintanya agar melupakan kisah silam mereka dan akan kekal sebagai sahabat. Suhaili juga meminta maaf atas sikapnya terhadap Zahar sebelum ini. Zahar pulang ke kampung dan mendirikan bengkel perabotnya sendiri dengan pinjaman sebanyak RM10 000 daripada pihak MARA dan RM5000 daripada sumbangan Pak Yusuf. Bengkel perabot Zahar didirikan di atas tanah ibunya. Semua barang di bengkel Pak Yusuf dibawa ke bengkel baharu. Tapak bengkel lama Pak Yusuf akan dijalankan perusahaan ternakan ayam daging oleh Mak Temah. Bengkel baharu Zahar diberikan nama "Meniti Impian" hasil hinaan Suhaili dahulu. Bengkel Zahar menjadi terkenal selepas rencananya termuat dalam akhbar Harian _____(9). Zahar akan membawa _____(10) dan ibunya semasa majlis penyampaian sijil nanti dan mereka akan bertemu dengan Norimi serta keluarganya.

B- Nilai

Terdapat beberapa nilai dalam novel Meniti Impian. Apakah nilai-nilai tersebut?



C- Suaikan.

PLOT DAN BINAAN PLOT

